

01/07/1998

Dr M menaiki penerbangan bersejarah

CANGGIH ... Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memasukkan pas berlepas sebelum menaiki pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH 1432 ke Langkawi, penerbangan dalam negeri pertama di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang mula beroperasi semalam.

Pesawat Boeing 777 itu berlepas dari lapangan terbang berharga RM9 bilion itu pada jam 7.10 pagi dan mendarat di lapangan terbang antarabangsa Langkawi 65 minit kemudian.

Turut bersama Dr Mahathir dalam penerbangan bersejarah itu ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Pengerusi Eksekutif MAS Tan Sri Tajudin Ramli. Pengarah Urusan MAS, Datuk Wan Malik Ibrahim (kiri) turut mengiringi Dr Mahathir di KLIA.

Penerbangan antarabangsa yang pertama pula ialah pesawat Airbus 330 MH 188 dari Male, Maldives pada 7.45 pagi.

(END)